

# Lewat bayar balik GST beri kesan aliran tunai syarikat

BH APP 12/08/2018

Ms. 5

**Kuala Lumpur:** Kelewatan bayaran balik cukai input daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kepada syarikat akan memberi kesan kepada aliran tunai kerana mereka mungkin perlu bergantung kepada pinjaman untuk menampung kelewatan yang tidak dijangka itu.

Perunding cukai daripada YYC Holdings Sdn Bhd, Yap Shin Siang, berkata syarikat perlu menanggung beban kewangan disebabkan mereka perlu beroperasi dengan kos kewangan tambahan untuk membiayai pinjaman itu.

“Dalam senario hari ini, perniagaan tidak pasti sama ada mereka boleh mendapat semula bayaran balik cukai mereka atau tidak,” katanya.

Bagaimanapun, katanya masih terlalu awal untuk mengetahui sama ada kelewatan bayaran balik GST itu akan memberi sebarang implikasi kepada perniagaan kecil atau pengguna.

Ini disebabkan kelewatan cukai input sudah ditanggung pengeksport dan syarikat yang mempunyai modal besar seperti pemaju hartanah, syarikat minyak dan gas, serta gudang dan kilang.

## Tak akan naikkan harga

“Walaupun ini akan menjadi beban, perniagaan tidak akan menaikkan harga mereka disebabkan kelewatan bayaran balik GST kerana persaingan pasaran adalah sengit,” katanya.

Sementara itu, Rakan Kongsi Cukai Tidak Langsung Deloitte Malaysia, Senthuran Elalingam, berkata keputusan penetapan harga yang dibuat oleh perniagaan berdasarkan beberapa faktor dan cukai adalah antaranya.

“Bagaimanapun, kita tidak boleh berdasarkan satu faktor untuk menyatakan sebab harga naik atau turun,” katanya.